

PBT, peniaga perang mulut

Operasi merobohkan 37 gerai bertukar kecoh, seorang dibawa ke balai polis untuk pemeriksaan

UKAY PERDANA - Operasi merobohkan 37 premis di persimpangan selekoh Kampung Pasir, Ukay Perdana, Hulu Klang di sini, semalam bertukar kecoh apabila berlaku perang mulut antara segelintir peniaga terbabit dengan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Dalam kekecohan itu, seorang individu dipercayai dibawa ke balai polis untuk pemeriksaan berikutan provokasi antara mereka ketika operasi yang disertai kira-kira 100 penguat kuasa oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Gombak.

Kekecohan itu kemudian berjaya dikawal anggota polis.

Difahamkan, operasi merobohkan gerai terbabit ditangguhkan sehingga perbincangan antara ahli politik kawasan itu, Gabungan NGO-NGO Malaysia (GNM) dan PDT Gombak mencapai kata putus.

Seorang peniaga yang enggan dikenali berkata, mereka minta ihsan pihak berkenaan agar mencari jalan penyelesaian.

"Wakil rakyat harus ber-



Keadaan kecoh yang berlaku.



Kamarudin menunjukkan salinan notis para peniaga yang dihantar ke mahkamah.

suara bagi pihak kami untuk cari jalan penyelesaian terbaik atau situasi menang-menang dalam perundingan," katanya.

Sementara itu, peguam yang mewakili segelintir peniaga, Kamarudin Ahmad berkata, seramai tujuh peniaga telah membawa isu ini ke Mahkamah Tinggi Shah Alam.

"Para peniaga ini memohon perintah melarang PDT Gombak merobohkan gerai ini, mereka juga menuntut tapak pemindahan

dan wang saku hati sebanyak RM60,000 seorang bagi membolehkan mereka membina semula gerai," katanya.

Dalam perkembangan sama, koordinator pembangunan persekutuan N 18 Dun Ulu Kelang, Ismail Ahmad berkata, isu peniaga yang berniaga lebih 20 tahun ini harus dipandang serius.

"Ini adalah mata pencarian mereka, ini bukan soal politik, kita harus cari jalan penyelesaian tidak kira mereka ini sokong parti mana pun. Mereka ni merupakan bekas

INFO • Peniaga premis di kawasan rizab jalan Jabatan Kerja Raya (JKR) itu diberikan peluang untuk berniaga selama 26 tahun di atas tanah milik kerajaan bermula 1991 hingga 2017

askar, ibu tunggal dan anak yatim yang menjalankan perniagaan di sini, kita harus perjuangkan nasib mereka.

"Pihak berkenaan

khususnya pihak berkuasa tempatan harus mencari alternatif iaitu lokasi lain di mana mereka ini akan mencari rezeki selepas ini. Kami dimaklumkan oleh seorang ahli politik lokasi itu sudah dikenal pasti," katanya.

Ismail berkata, pihaknya pula akan memohon bantuan daripada pemaju.

"Tapak yang mahu dipindahkan itu, tapak kosong, tapak yang terbukti, para peniaga terpaksa meratakan tapak serta membuat longkang mereka juga perlu kos

kerja tersebut," katanya.

Isu berkenaan timbul selepas Pejabat Daerah dan Tanah Gombak mengeluarkan notis arahan pengosongan gerai pada 20 Jun lalu bagi memberi laluan kepada pembinaan Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE).

Berdasarkan notis tersebut, peniaga premis di kawasan rizab jalan Jabatan Kerja Raya (JKR) itu diberikan peluang untuk berniaga selama 26 tahun di atas tanah milik kerajaan bermula 1991 hingga 2017.